

# Salah tafsir penghalang utama derma organ

U.M 4/14/07 M/8 11

Oleh Nor Raihan Abu Bakar

INTI PATI

## Pemindahan organ

- Pemindahan organ adalah satu kaedah rawatan terbaik bagi pesakit mengalami kerosakan dan kegagalan akhir organ. Tindakan ini boleh meningkatkan kualiti hidup serta menyelamatkan nyawa.
- Pendermaan organ terbahagi kepada dua jenis iaitu pendermaan ketika hidup dan kadaverik (meninggal dunia).
- Organ yang boleh didermakan ketika hidup termasuk satu buah pinggang dan sebahagian hati. Pemindahan boleh dijalankan di kalangan penderma dan penerima mempunyai pertalian keluarga saja. Pendermaan kadaverik boleh mendermakan semua organ dan tisu.
- Pendermaan kadaverik perlu dipastikan meninggal dunia

**P**EMINDAHAN organ dan tisu mempunyai sejarah panjang. Di negara ini, pemindahan pertama berjaya dilakukan membabitkan pemindahan kornea pada awal 1960-an. Pemindahan ginjal pertama dilakukan pada 1975, manakala pemindahan hati 1995 dan jantung pula 1997.

Bagi pesakit yang mengalami kerosakan dan kegagalan akhir organ, pemindahan organ adalah satu kaedah rawatan terbaik dan bagi sesetengah pesakit ini, hanya pemindahan organ boleh meningkatkan kualiti hidup serta menyelamatkan nyawa mereka.

Tidak dinafikan, pendermaan organ menerima banyak salah tafsiran dan anggapan. Malah kekeliruan dan ketidakfahaman mengenai konsep pendermaan organ menjadi punca ramai yang menjauhkan diri daripadanya.

Pendermaan organ terbahagi kepada dua jenis iaitu pendermaan ketika hidup dan kadaverik (meninggal dunia). Organ yang boleh didermakan ketika hidup termasuk

tidak berlaku sewenang-wenangnya, tetapi dijalankan mengikut prosedur ditetapkan. Hanya selepas segala usaha dilakukan untuk menyelamatkan nyawa pesakit tidak berjaya dan hanya selepas pengesahan mati otak dibuat, barulah proses pendermaan ini boleh dimulakan. Pengesahan mati otak perlu dibuat dua doktor pakar bertauliah dan tiada kaitan dengan pendermaan organ bagi mengelak wujud sebarang kepentingan.

Selepas keluarga pesakit bersetuju untuk mendermakan organ barulah proses pendermaan organ dilakukan. Pembedahan akan dijalankan di dewan bedah dalam keadaan steriliti dan teliti, kerana sebarang kerosakan terhadap organ ketika pembedahan akan menyebabkan organ tidak dapat digunakan. Pembedahan akan dilakukan dengan penuh prihatin dan rasa hormat seperti pembedahan kepada orang yang masih hidup.

Berikutan pelbagai salah tafsiran mengenai pendermaan organ ini, populariti pendermaan organ dan tisu agak jauh ketinggalan. Walaupun tidak terlalu asing,

memberikan tanda positif bahawa pendermaan organ tidak lagi menjadi fobia-anak muda sekiranya maklumat dan penerangan lengkap serta menyeluruh diberikan kepada mereka.

Dalam satu kajian awal yang dibuat sekumpulan penyelidik Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) ke atas responden Islam pada 2005, penemuan mendapati dua faktor menjadi halangan kepada orang Islam mendermakan organ mereka iaitu rasa takut dan kurang pendedahan.

Faktor agama sebenarnya tidak lagi menjadi penghalang seperti 20 tahun lalu. Orang Islam mengetahui mengenai kepentingan pendermaan organ. Mereka juga memahami keharusan hukum pendermaan organ ini. Namun 'ketakutan' menjadi penghalang untuk mereka tampil sebagai pengikrar.

Pendermaan organ sering dikaitkan dengan bayangan ngeri sehingga usaha murni ini disalah tafsirkan. Ketakutan mengenai penyeksaan yang akan dilakukan terhadap mayat menjadi punca utama tim-

satu buah pinggang dan sebahagian daripada hati. Pembedahan boleh dijalankan di kalangan penderma dan penerima yang mempunyai pertalian keluarga saja. Pendermaan kadaverik pula boleh mendermakan semua organ dan tisu mereka.

Seseorang penderma kadaverik boleh menderma organ hati, jantung, paru-paru dan buah pinggang, manakala tisu yang boleh didermakan ialah kornea, kulit, injap jantung dan tulang. Bagi pendermaan kadaverik, penderma perlu dipastikan meninggal dunia sebelum organnya diambil. Mereka yang meninggal dunia secara 'mati otak' saja yang boleh mendermakan organ dan tisu, manakala yang meninggal dunia secara biasa (jantung berhenti) hanya boleh mendermakan tisu.

Mati otak adalah suatu keadaan apabila batang otak dan keseluruhan otak mati. Senario ini berlaku disebabkan kecederaan kepala yang teruk, pendarahan dan pertumbuhan di otak. Ini menyebabkan peningkatan tekanan intrakranial yang akan menghalang pengaliran darah dan oksigen ke otak.

Ketika itu, seluruh otak pesakit tidak lagi berfungsi dan tidak dapat dipulihkan. Pesakit tidak lagi bernafas sendiri dan hanya bergantung kepada mesin ventilator. Ketika itu jantung masih lagi berdenyut, te-

di pastikan meninggal dunia sebelum organ diambil. Mereka yang meninggal dunia secara 'mati otak' boleh mendermakan organ dan tisu, manakala meninggal dunia secara biasa (jantung berhenti) boleh mendermakan tisu.

tapi ia hanya untuk seketika. Walaupun sokongan ubatan diberikan kepada pesakit yang disahkan mati otak, jantung akhirnya akan berhenti juga. Namun, ramai yang masih enggan menerima hakikat ini.

Walaupun disahkan pakar, mereka tetap menganggap pesakit itu masih hidup berdasarkan denyutan jantung dan pernafasan yang sebenarnya disebabkan bantuan daripada mesin pernafasan. Kebanyakan mereka masih mahu nadi berhenti untuk menerima hakikat pesakit sudah meninggal dunia.

Salah faham mengenai pendermaan organ ini juga wujud berikutan kebimbangan orang ramai mengenai layanan yang akan diberikan kepada mereka. Mereka bimbang doktor akan mengambil mudah untuk menyelamatkan nyawa mereka, tetapi lebih berminat untuk mengambil organ dalam tubuh mereka.

Hakikatnya, proses pendermaan organ

namun pendermaan organ dan tisu ini sukar didekati. Masyarakat Malaysia yang terkenal dengan keprihatinannya kelihatan meminggirkan konsep ini. Malah bagi nisbah setiap juta penduduk, Malaysia mencatat jumlah terendah, berbanding negara lain dengan mempunyai kurang daripada satu penderma sedangkan lapan di Singapura, 12 di Britain dan 35 di Sepanyol. Hal ini lebih menyedihkan apabila jumlah pengikrar Melayu yang rata-ratanya beragama Islam amat kurang, berbanding bilangan pengikrar Cina yang menduduki tempat teratas, diikuti kaum India.

Bagaimanapun, dalam satu majlis ceramah dan penerangan mengenai pendermaan organ yang dijalankan Pusat Sumber Transplan Nasional (NTRC) dengan kerjasama pelajar 'Strategies of Communication', Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk Hari Kesihatan UniKL MIAT pada 7 Mac lalu, hampir 70 pelajar UniKL MIAT dan pelajar pelbagai institusi pengajian tinggi lain tampil mendaftarkan diri sebagai pengikrar untuk menderma organ.

Angka ini ternyata mengejutkan pekerja NTRC sendiri kerana purata yang mendaftar untuk majlis penerangan dijalankan oleh NTRC sebelum ini hanya mencapai 20 orang. Respons pelajar ini

bul polemik ini. Ramai orang Islam beranggapan bahawa mayat akan terseksa apabila pembedahan dilakukan untuk mengeluarkan organ dalaman.

Pengarah Eksekutif Yayasan Ilmuwan, Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh, berkata pendermaan organ tidak dianggap sebagai menyeksa mayat kerana penyeksaan dimaksudkan apabila sesuatu dilakukan terhadap mayat tanpa tujuan berfaedah.

Katanya, Rasulullah SAW pernah melarang seorang lelaki mematahkan tulang si mati kerana perbuatan ini dianggap menyeksa mayat.

Bagaimanapun, dalam konteks pendermaan organ, ia dilakukan dengan niat murni iaitu sebagai pilihan terakhir untuk menyelamatkan nyawa seseorang yang terangkum dalam tujuan syariah. Malah prinsip 'keperluan mengatasi larangan' inilah yang digunakan ulama untuk mengharuskan pendermaan organ kerana ia dapat menyelamatkan nyawa.

Pelbagai salah tafsiran mengenai pendermaan organ baik dari segi budaya, agama atau perubahan perlu dikikis sama sekali. Anggaph pendermaan organ satu usaha murni. Setiap apa yang dianugerahkan Allah bukanlah hak peribadi bahkan semata-mata milik Ilahi.